

03/08/1997

Seorang Exco Kedah digugur

ALOR STAR: Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid menggugurkan seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dalam rombakan senarai Ahli Exco negeri Kedah.

Berikutan itu hanya sembilan daripada 10 Ahli Exco akan mengangkat sumpah jawatan untuk penggal kedua bagi tempoh setahun di hadapan Sultan Kedah, di Istana Anak Bukit, di sini pagi ini.

Sanusi yang ditemui di Sayembara Puisi Hari Kebangsaan ke-40, peringkat kebangsaan, di sini malam tadi, bagaimanapun enggan memberitahu nama Exco terbabit.

Menurutnya, senarai Exco yang akan mengangkat sumpah sudah dimaklumkan dan mendapat persetujuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sanusi mengesahkan rombakan portfolio dalam penyusunan bidang tugas Exco yang dilantik.

Mereka yang dipilih sebagai Exco hanya menerima surat pelantikan malam tadi, iaitu kira-kira 12 jam sebelum mengangkat sumpah jawatan.

(END)